

15 OCT 2002

Mahathir-Filipina/I

DAKWAAN ROGOL : FILIPINA PATUT MINTA MAAF, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Manila perlu meminta maaf kerana gopoh membuat andaian bahawa seorang budak perempuan yang mendakwa dirogol di sebuah pusat tahanan sementara di Sabah adalah warga Filipina.

Perdana Menteri berkata kerajaan Filipina perlulah "peka sedikit dan berhati-hati sedikit" dalam membuat kenyataan sehingga boleh mengeruhkan hubungan antara negara.

"Mereka sepatutnya memberitahu kita, dan tidak membuat bising mengenainya, (dengan) menghebahkannya dalam akhbar dan sebagainya. Jika ada kes, laporkan kepada kita dan kita akan siasat," katanya pada sidang berita selepas merasmikan Persidangan Nuklear Antarabangsa di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mahu kerajaan Filipina meminta maaf selepas polis mengesahkan bahawa budak perempuan itu, yang didakwa oleh Filipina adalah rakyatnya, sebenarnya adalah warga Malaysia.

Ketika ditanya bagaimana budak perempuan itu telah dihantar ke Filipina, Dr Mahathir berkata dia ditemui di kalangan pendatang asing setelah didapati merayau-rayau tanpa sebarang alamat.

"Sekalipun jika ada kes rogol, biarlah dipastikan dahulu sama ada kejadian rogol itu benar-benar berlaku dan sebagainya, sebelum membuat andaian.

"Budak perempuan ini, saya diberitahu, adalah seorang kanak-kanak jalanan, dan kita tidak tahu apa muslihatnya," kata Perdana Menteri.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan menulis surat kepada Filipina mengenai isu itu.

Presiden Filipina, Gloria Arroyo telah menulis surat kepada Dr Mahathir meminta kerajaan Malaysia menyiasat dakwaan itu kerana budak perempuan itu dikatakan rakyat Filipina.

-- BERNAMA

AFY MFJ MAI